

Saranan PM kepada Amerika

Wujud kumpulan ekonomi sedunia

Oleh WAN HAMIDI HAMID

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyarankan supaya Amerika Syarikat mewujudkan satu kumpulan ekonomi sedunia yang tidak menyekat perdagangan bebas bagi menggantikan blok perdagangan antarabangsa yang sedia ada.

Beliau berpendapat, satu kumpulan ekonomi sedunia mungkin dapat mengatasi masalah blok perdagangan yang memberi kesan sebaliknya.

"Jika kita mahu, kita boleh mewujudkan satu kumpulan ekonomi sedunia. Saya rasa kumpulan ekonomi sedunia bermakna tidak akan ada sebarang sekatan terhadap perdagangan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meraikan Perdana Menteri Republik Persekutuan Czech dan Slovakia, Dr Marian Calfa dan isteri di jamuan perpisahan sempena lawatan mereka ke negara ini di Carcosa Seri Negara di sini, semalam.

Menjelaskan pendirian negara ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak mahu mana-mana pihak mengenakan sekatan terhadap perdagangan bebas.

Ditanya sama ada penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) tanpa Amerika Syarikat akan memberi kesan sebaliknya, Perdana Menteri berkata: "Mungkin... kerana Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC) juga wujud tanpa penyertaan Amerika."

Amerika Syarikat menentang cadangan menubuhkan EAEG kerana mendakwa ia akan mewujudkan blok perdagangan. Bagaimanapun, Amerika yang tidak pernah menyertai EEC dan Kesatuan Eropah (EC) menggerakkan usaha menubuhkan blok perdagangan bersama Kanada dan Mexico.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Dan Quayle, kelmarin yang menyatakan penubuhan EAEG yang dicadangkan oleh Malaysia akan memberi kesan sebaliknya jika ia mengecualikan Amerika.

Encik Quayle juga dilaporkan berkata, Amerika yang mahu terbabit dalam EAEG patut dijemput menyertai kumpulan itu kerana menganggap ia (Amerika) adalah sebahagian daripada rantau Pasifik.

Ditanya sama ada Malaysia akan jemput Amerika menyertai EAEG, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak boleh membuat keputusan mengenai perkara itu, sebaliknya menyerahkan kepada negara Asean untuk menimbangakan kenyataan Encik Quayle.

Mengenai kenyataan Encik Quayle bahawa Amerika berterima kasih kepada beberapa pemimpin Asean yang menolak cadangan Malaysia mewujudkan EAEG, beliau berkata: "Saya tidak tahu mengenai perkara itu. Sepanjang yang saya tahu, semua negara Asean bersamasama dengan kita."

Bagaimanapun, ditanya sama ada kenyataan Encik Quayle dianggap sebagai pandangan yang 'bongkak', Perdana Menteri berkata: "Saya tidak ada pendapat (dalam hal ini)."